

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 02.12.2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan pembaikan yang dilakukan di atas teguran ikhlas DYMM Sultan Perak pada satu program SPRM tempoh hari yang menyatakan dua sebab gejala rasuah berlaku secara berterusan iaitu pendapatan yang tidak setimpal dengan kenaikan kos barangan asas dan ketamakkan sesetengah pemimpin dan penguasa, justeru itu, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membaik pulih imej negara setelah banyak komen-komen negatif daripada tokoh-tokoh IACC dalam persidangannya di PICC Putrajaya baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

Sultan Perak dalam Majlis Raja Dihati Rakyat bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan SPRM pada 1 Oktober 2014 yang lalu.

Kerajaan sentiasa meletakkan usaha pambanterasannya rasuah sebagai agenda utama Negara. Oleh itu pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan semenjak penubuhan SPRM pada tahun 2009 bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) termasuk memperkasakan Akta SPRM 2009 dan menjadikan SPRM lebih bebas, telus dan profesional. Kerajaan juga telah menjadikan agenda pambanterasannya rasuah sebagai salah satu bidang di bawah bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Pada masa kini, di sektor awam, penubuhan Unit Integriti di agensi-agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta penubuhan Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) di setiap Kementerian telah dilaksanakan bagi mengekang gejala rasuah, pemborosan dan ketirisan di sektor awam.

Kerajaan juga telah menubuhkan **Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP)** pada 14hb Ogos 2015 yang lalu. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi merangka satu pelan pembiayaan politik yang komprehensif dan inklusif, khususnya untuk menentukan proses konsultatif di semua peringkat dengan mengambil kira pandangan semua pihak. Langkah ini dibuat bagi mewujudkan sistem pembiayaan politik yang telus dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.